

Oleh Hamizah Badran
hamizah@hmetro.com.my

Tune Protect (dua di-kenali sebagai Tune Insurance Holdings Berhad) memperkenalkan polisi insurans terbarunya iaitu insurans keselamatan dan kemalangan peribadi.

Polisi insurans keselamatan dan kemalangan peribadi menyediakan pampasan dan pembayaran balik sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian disebabkan kejadian keganasan, kemalangan tidak disengaja, luaran mahupun ketara.

Manfaat yang disediakan polisi dan jumlah yang perlu dibayar adalah persoalan yang sering bermain dalam fikiran pengguna.

Seiring itu, Tune Protect menyenaraikan beberapa sebab mengapa anda harus pertimbangkan polisi ini.

Polisi ini antaranya memberi perlindungan kematian akibat kemalangan dan hilang upaya kekal akibat kemalangan, perbelanjaan perubatan, pemindahan darah, pembedahan gigi dan kosmetik, eluan perkabungan, perbelanjaan perjalanan, rugut dan rompakan, perbe-

Ketenangan RM50

■ Tune Protect perkenal polisi baru insurans keselamatan, kemalangan peribadi inovatif

lanjaan penghantaran balik dan lain-lain.

Tempoh perlindungan hanya untuk setahun. Oleh itu, anda perlu memperbaharui perlindungan insurans pada setiap tahun.

Jumlah bayaran yang perlu dibayar pula bergantung kepada penilaian pilihan, pengetahuan pekerjaan dan keperluan tertentu.

Insurans ini boleh diambil bagi mereka yang berumur 12 bulan hingga 65 tahun dan ia boleh di-perbaharui sehingga usia 70 tahun hari jadi berikutnya. Bagaimanapun, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mesti diinsuranskan dengan sekurang-kurangnya satu ibu atau bapa atau penjaga yang sah.

Harus diketahui, polisi ini tidak melindungi sebarang kemalangan diakibatkan antaranya oleh perperangan, nuklear, aktiviti jenayah, memandu tanpa lesen, penyakit disebabkan bakteria,

virus, parasit dan semua bentuk penyakit berjangkit, sukan profesional dan sebagainya.

Pemegang polisi boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada syarikat untuk mendapat bayaran balik premium pada kadar tempoh pendek syarikat (disebut dalam polisi) tertakluk kepada premium minimum RM50.

Adalah penting untuk an-

da memaklumkan kepada Tune Protect sekiranya terdapat perubahan dalam profil kehidupan supaya tidak menjadikan risiko profil.

Sementara itu, Tune Insurance Holdings Berhad mula di-kenali sebagai Tune Protect Group Berhad sejak 10 September lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Junior Cho berkata, perubahan nama syarikat adalah untuk lebih mencerminkan jenama dan bagaimana organisasi itu sudah berkembang selama ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai insurans kemalangan peribadi Tune Protect, sila hubungi 03-20879000, e-mel ke enquiries@tuneinsurance.com.



FAKTA
Tune Protect turut
beri perlindungan
untuk
pembedahan
kosmetik



Suami anda dilindungi.

Bagaimana pula wang tebusannya?

Insurans Dipermudahkan

Apakah perkara pertama yang terlintas di fikiran anda apabila kami menyebut 'kemalangan dan keselamatan diri'? Polisi Perlindungan Kemalangan dan Keselamatan Peribadi kami melindungi anda dalam apa jua situasi, termasuklah penculikan. Kunjungi laman web kami untuk butiran lanjut.

Layari tuneprotect.com sekarang!

Tertakluk pada terma dan syarat.
Ditaja jamin oleh Tune Insurance Malaysia Bhd. (30686-K)

Tune
Protect